

12/04/1997

Malam 23 Tahun Seniman 3 Ogos

WALAUPUN ketika ini kantung Seniman dikatakan sudah kering, persatuan itu dengan ahli barunya berupaya menganjurkan majlis makan malam yang dinamakan `Malam 23 Tahun Seniman' di Dewan Besar, Hotel Sunway Lagoon Resort pada 3 Ogos depan.

Presidennya, Datuk Ismail Hutson berkata majlis itu adalah bukti kerjasama erat dan usaha keras daripada semua ahli jawatan kuasa Seniman baru yang mahu menaikkan martabat persatuan ini.

"Tidak ada duit tidak bermakna tidak boleh buat di hotel besar. Memang Seniman tidak ada duit dan bukan juga persatuan mewah.

"Tapi Seniman ada nama dan pengaruh. Semua ahli jawatankuasa bekerja keras untuk menjayakan majlis ini. Kita memang berani buat sesuatu yang mencabar," katanya pada sidang akhbar persatuan itu di Ampang, kelmarin.

Ismail berkata persatuan juga turut mengundang Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebagai tetamu kehormat pada majlis makan malam berkenaan.

Pihak yang berminat untuk menempah meja jamuan pada malam itu boleh hubungi pejabat Urusetia Seniman di talian pada 03-4060062/-3-4052215.

(END)